

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib**

**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2015**

*30 Mac 2016 (Rabu) 8.00 MALAM, SWISS GARDEN, MELAKA*

*Bismillahirrahmanirrahim*

**Terima kasih kepada Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berbahagia, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali**

Pengerus Lembaga Pengarah Universiti

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti

**Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Asma bin Ismail**

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi

**Yang Berhormat Datuk Wira Hj Md Yunos bin Husin**

Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka

Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong-Penolong Naib Canselor

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Rakan Media, para penerima Anugerah Akademik Universiti 2015,

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya, dapat kita bersama-sama pada majlis Anugerah Akademik Universiti 2015, yang penuh bermakna ini.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Y.Bhg. Tan Sri Pengerusi Lembaga Pengarah ke majlis pada malam ini. Sebagai makluman bersama, Y.Bhg Tan Sri telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah mulai 16 Februari 2016 dan saya yakin majlis malam ini merupakan majlis pertama anjuran universiti yang dihadiri oleh Y.Bhg. Tan Sri. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Ketua Pengarah JPT yang juga kali pertama hadir ke Majlis AAU ini, dan terima kasih juga kepada Y.B. Datuk Wira Exco, yang sudi meluangkan masa hadir pada malam ini.

Pergi ke sawah menanam padi,  
Mencari rezeki habuan diri,  
Terima kasih sekalung budi,  
Kehadiran semua majlis bertambah seri.

Bagi pihak Universiti, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Anugerah Akademik, khususnya kepada Jawatankuasa Penilai Anugerah Akademik Universiti di peringkat Universiti dan Fakulti serta Jawatankuasa Pelaksana Majlis Anugerah Akademik yang bertungkus-lumus memastikan perjalanan majlis penganugerahan ini lancar sepertimana yang dirancang dan dihasratkan oleh pihak Universiti.

3. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah yang akan diumumkan sebentar lagi. Semoga anugerah yang diterima pada malam ini, akan meningkatkan lagi motivasi diri dan semua yang ada di sini untuk terus cemerlang, gemilang, dan terbilang dalam bidang ilmiah pada masa akan datang.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

4. Anugerah Akademik Universiti merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh UTeM bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada ahli-ahli akademik yang telah mencapai kejayaan cemerlang di dalam pelbagai bidang, yang bukan sahaja dalam aspek pengajaran dan penyelidikan semata-mata, malah turut meliputi peranan ketiga institusi pendidikan tinggi iaitu sumbangan akademik kepada pembangunan negara dan masyarakat.

5. Anugerah Akademik Universiti pada kali ini adalah edisi ketujuh penganjurannya sejak ia diperkenalkan pada tahun 2009. Pada tahun ini, sebanyak sepuluh (10) kategori telah diperkenalkan. Namun istimewanya pada tahun ini, beberapa fasa penambahbaikan telah dilaksanakan dari aspek syarat dan kategori anugerah bagi meningkatkan lagi mutu dan kualiti penganugerahan ini.
6. Bagi tahun ini, anugerah penerbitan buku telah dipecahkan kepada dua (2) bidang supaya ianya sejajar dengan keperluan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) iaitu Anugerah Penerbitan Buku bidang Sains dan Teknologi; dan Anugerah Penerbitan Buku bidang Kemanusiaan dan Sosial Sains. Walaupun UTeM lebih bersifat teknikal tetapi penerbitan buku dalam bidang sains sosial telah banyak dihasilkan dan ianya merupakan satu pencapaian yang membanggakan.

7. Selain itu, satu (1) kategori anugerah baharu iaitu Anugerah Inovasi e- Pembelajaran telah diperkenalkan pada tahun ini. Menerusi kategori baharu ini, diharapkan ia dapat menggalak dan memperkembangkan lagi budaya e-Pembelajaran di universiti ini menerusi pembangunan e-Kandungan berkualiti dalam bidang kepakaran tertentu, penyertaan dalam Konsortium e-Kandungan antarabangsa dan seterusnya membina jenama global e-Pembelajaran Malaysia di peringkat antarabangsa. Menerusi inisiatif ini, Insya Allah, hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi sepertimana yang disuarakan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, terutamanya terhadap pendekatan pembelajaran dalam talian tahap global dapat direalisasikan.



8. Setiap pemenang dan calon yang telah memasuki saringan akhir di peringkat universiti akan menerima insentif mengikut jumlah yang telah diperuntukkan. Namun, ingin saya tekankan di sini, bukanlah nilai anugerah yang diukur, tetapi sejauh mana komitmen dan sumbangan yang diberikan oleh warga akademik UTeM dalam membantu mengembangkan bidang pendidikan di universiti ini juga meningkatkan reputasi universiti kita di peringkat nasional dan antarabangsa.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

9. Saya yakin penerima anugerah bagi setiap kategori yang bakal diumumkan pada malam ini adalah mereka yang telah menyumbang dan menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang kepakaran masing-masing. Jawatankuasa Penilai, sama ada di peringkat fakulti, mahupun di peringkat Universiti, sudah mengambil kira pelbagai aspek semasa membuat penilaian dan

bertindak secara rasional dalam proses pemilihan supaya pemenang-pemenang pada malam ini adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar terbaik daripada kalangan yang terbaik.

10. Saya juga berharap, menerusi platform pengiktirafan ini, ahli akademik UTeM dapat bersama-sama berusaha untuk mentransformasikan universiti ini ke satu tahap yang lebih mantap dan membanggakan, terutama dalam usaha menjadikan UTeM sebagai salah satu koridor ilmu yang unggul di negara ini.
  
11. Maka disinilah letaknya cabaran yang harus disahut oleh 33 orang Profesor, 56 orang Profesor Madya, 337 Pensyarah Kanan dan 409 orang Pensyarah yang turut disokong oleh Tutor, Guru Bahasa dan Jurutera Pengajar. Saya percaya, ahli-ahli akademik UTeM sentiasa mempertingkatkan kualiti dan memaksimumkan potensi diri masing-masing melalui usaha-usaha yang berterusan. Ilmu

pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki oleh setiap ahli akademik adalah aset yang amat berharga yang boleh disumbangkan untuk pembangunan negeri dan negara dalam pelbagai aspek yang berkaitan.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

12. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli akademik yang telah memainkan peranan dan menyumbang secara kritikal dalam melahirkan insan yang terbaik. Tanpa dukungan kalian semua, saya percaya kita tidak mungkin dapat membangunkan generasi berilmu yang cemerlang sekali gus menjadi modal insan unggul untuk pembangunan dan kemajuan universiti, masyarakat dan negara.

13. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima Anugerah Akademik Universiti tahun 2015. Saya menyeru kepada semua warga akademik agar menjadikan anugerah seperti ini sebagai pembakar semangat dan pemangkin kepada pencapaian kecemerlangan diri dan Universiti.

Pergi ke dapur menjamu nasi,  
Kenyang berseli seiikat longan,  
Anugerah akademik menjadi saksi,  
Membakar semangat, menerus perjuangan.

Sekian, *wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*